

Malaysia harap Singapura ambil sikap terbuka

BH - 28/11/2006

KUALA LUMPUR: Malaysia berharap Singapura mengambil langkah lebih terbuka dengan memudahkan syarikat Malaysia memiliki aset di negara itu sebagai timbal balas kepada kelonggaran yang diberikan kerajaan kepada firma dari negara berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata langkah itu dapat membantu menyeimbangkan pelaburan antara kedua-dua negara seterusnya memberi manfaat kepada syarikat masing-masing.

Katanya, ketika ini bilangan dan saiz pemilikan aset Malaysia oleh syarikat Singapura, khususnya entiti di bawah kawalan kerajaan republik itu jauh lebih besar daripada Malaysia dalam syarikat Singapura.

"Kita faham lebih sukar untuk syarikat Malaysia mencari peluang pengambilalihan di Singapura berbanding syarikat republik itu di negara ini kerana struktur ekonominya.

"Bagaimanapun, saya berharap Singapura boleh memberikan tahap timbal balas lebih baik dalam membantu memudahkan pemilikan aset lebih ramai rakyat Malaysia di Singapura," katanya ketika ucapatama persidangan serantau Perniagaan Malaysia-Singapura bertemakan 'Memperluaskannya di Asia: Cabaran dan Peluang Baru' di sini, semalam.

Hadir sama pada persidangan sehari anjuran Kelab Alumni London Business School Malaysia itu ialah Timbalan Perdana Menteri Singapu-

ra, Wong Kan Seng yang turut menyampaikan ucapatama.

Najib berkata, Singapura mempunyai pelaburan besar di negara ini termasuk Temasek Holdings yang memiliki lima peratus ekuiti Telekom Malaysia (TM), dan 30 peratus (Alliance Bank).

Satu lagi jentera pelaburan Singapura, GIC turut mempunyai pelaburan dalam Sunway Resort Hotels, Road Builder dan Proton manakala Parkway Holdings pula memegang saham Pantai Holdings.

Timbalan Perdana Menteri berkata, dalam pada langkah mengukuhkan pelaburan antara Malaysia dan Singapura perlu ditingkatkan, kerjasama ekonomi ia tidak seharusnya terhad kedua-dua negara itu saja.

"Saya yakin wujud banyak peluang untuk syarikat Malaysia dan Singapura bekerjasama bagi meneroka kawasan baru kerana apabila bercakap mengenai usaha mencari peluang, kita biasanya lebih cenderung untuk bersaing, bukan bekerjasama.

"Bagaimanapun, masa berubah dan landskap ekonomi global kini semakin kompetitif serta menuntut supaya negara bekerjasama," katanya.

Sementara itu pada majlis sama, Wong berkata, negara anggota Asean mesti berusaha mencari sinergi untuk kerjasama memperkukuhkan lagi ekonomi rantau ini disebabkan kesukaran integrasi ekoran kepelbagaian tahap pembangunannya.

"Negara Asean secara sendirian

“ Saya yakin wujud banyak peluang syarikat Malaysia dan Singapura bekerjasama bagi meneroka kawasan baru”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

tidak mempunyai bilangan dan saiz pasaran mapan untuk menarik pelabur atau ahli perniagaan.

"Bagaimanapun, sebagai rantau bersepadu dengan penduduk lebih 550 juta, Asean adalah menarik untuk pelabur membuka perniagaan dan kilang pembuatan kerana rantaian pengeluaran boleh diwujudkan di semua wilayahnya," katanya.

Katanya, kita juga boleh menjadi pangkalan alternatif untuk China dan India bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D), inovasi, reka bentuk, logistik serta ibu pejabat wilayah.